

06 OCT 2002

Mahathir-Baitulmuqaddis/I

LANGKAH IKTIRAF BAITULMUQADDIS TIDAK BANTU PERANGI KEGANASAN - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Langkah Amerika Syarikat untuk mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel akan meningkatkan lagi kemarahan umat Islam dan tidak membantu dalam memerangi keganasan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Ia tidak membantu terutamanya pada masa ini. Ia tidak membantu langsung, hanya menuangkan minyak dalam api. Ini meningkatkan lagi kemarahan umat (Islam) dan tidak membantu memerangi keganasan," kata Perdana Menteri pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) ke-49 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata keputusan Washington mengenai Baitulmuqaddis yang dianggap suci oleh umat Islam akan hanya menambahkan lagi sebab bagi umat Islam untuk melakukan perbuatan ganas.

"Kita bukannya merawat punca (keganasan), kita hanya menambah punca keganasan," katanya.

Presiden Amerika Syarikat George W. Bush menandatangani perundangan penuh kontroversi itu pada Isnin yang memerlukan pentadbirannya untuk mengiktiraf Baitulmuqaddis dan bukannya Tel Aviv sebagai ibu negara Israel.

Ditanya sama ada beliau berpendapat langkah itu sengaja dilakukan oleh pentadbiran Bush, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu tetapi yakin langkah itu tidak membantu dalam usaha memerangi keganasan atau memulihkan ekonomi dunia.

Semalam, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata usul untuk membantah langkah Amerika Syarikat itu akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin atau Selasa ini.

Mengenai langkah Amerika Syarikat untuk bertindak sendirian dalam menangani hal ehwal dunia tertentu, Dr Mahathir berkata malang sekali seluruh dunia tidak menyetujuinya.

Beliau berkata tidak ada negara di dunia, tanpa mengira betapa kuatnya mereka, harus mengetepikan pendapat dan pandangan seluruh dunia.

Mengenai peranan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berhubung usaha sendirian Amerika Syarikat itu, beliau berkata Majlis Keselamatan tidak mempunyai kuasa.

"Tidak ada apa yang dapat dilakukan dalam Majlis Keselamatan, ia lumpuh sepenuhnya," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim bahawa badan pemantau mungkin ditubuh tidak lama lagi bagi memastikan polis segera menyiasat setiap aduan, tiada kes diperam lama tanpa didakwa dan keputusan hakim mesti adil kepada semua pihak.

Dr Mahathir berkata polis menerima banyak laporan dan perlu diberi keutamaan kepada kes tertentu manakala siasatan pula kadang-kala mengambil masa yang lama kerana mengalami kesulitan tertentu.

Katanya setiap kes akan dibawa ke mahkamah sekiranya mempunyai bukti yang mencukupi dan siasatan juga bukan bertujuan memperlekehkan orang tertentu tetapi bagi mendapatkan keadilan.

"Keadilan boleh ditentukan setelah kita dapat bukti cukup, bawa kepada mahkamah, setelah itu boleh la kita tahu siapa yang benar, siapa yang tidak benar," katanya.

-- BERNAMA

RZS MHI MFJ NAK

